

## Keliru?

Mari kita lihat kepada tafsiran seorang lagi ulama ahlussunnah untuk mendapat penjelasan mengenai siapa Imam, Pengganti atau Amir yang dimaksudkan:

Al-Dhahabi yang merupakan seorang ulamak yang terkenal berkata didalam *Tadhkirat al-Huffaz*, Jilid. 4, ms. 298, dan Ibn Hajar al-'Asqalani berkata didalam *al-Durar al-Kaminah*, Jilid. 1, ms. 67 bahawa Sadruddin Ibrahim bin Muhammad bin al-Hamawayh al-Juwayni al-Shafi'i merupakan seorang ulamak hadith yang terkenal. Beliau (Al-Juwayni) melaporkan dari Abdullah ibn Abbas (r) yang melaporkan dari Rasulullah (s) yang bersabda, "**Aku adalah penghulu bagi para Nabi dan Ali ibn Abi Talib adalah penghulu bagi penggantik, dan selepas daripada aku, penggantik adalah 12, yang pertama merupakan Ali ibn Abi Talib dan yang terakhir merupakan Al Mahdi.**"

Al-Juwayni juga meriwayatkan daripada Ibn 'Abbas (r) yang meriwayatkan daripada Rasulullah (s): "**Sesungguhnya Khalifahku dan pewarisku dan Hujjah Allah keatas makhlukNya selepas dari ku adalah 12. Yang pertama daripada mereka adalah saudaraku dan yang terakhir daripada mereka adalah anakku (cucu).**" Baginda ditanya: "Ya Rasulullah, Siapakah saudaramu?" Beliau menjawab, "**Ali ibn Abi Talib**" Kemudian mereka bertanya lagi, "Dan siapakah anakmu?" Rasulullah (s) menjawab, "**Al Mahdi**, beliau yang akan memenuhi dunia ini dengan keadilan dan kesaksamaan seperti mana pada ketika itu ia dipenuhi oleh ketidakadilan dan kekejaman. Dengan Dia yang telah mengangkatku sebagai pemberi khabar buruk dan khabar baik, biarpun hanya sehari tinggal untuk kehidupan dunia ini, Allah Maha Kuasa akan memanjangkan hari itu sehingga beliau menghantar anakku Mahdi, kemudian Beliau akan menyuruh Ruhullah 'Isa ibn Maryam (a) untuk turun dan solat dibelakang beliau (Mahdi). Dan dunia akan disinari oleh cahaya kehebatannya. Dan kekuasaannya akan mencapai timur dan barat."

Al-Juwayni juga meriwayatkan bahawa Rasulullah(s) juga memberitahu: "**Aku, Ali, Hasan, Husayn dan sembilan orang daripada zuriat Husayn adalah mereka yang disucikan dan yang tidak melakukan kesalahan.**"

[Al-Juwayni, *Fara'id al-Simtayn*, Mu'assasat al-Mahmudi li-Taba'ah, Beirut 1978, p. 160.]

**Kalau dilihat kepada semua mazhab yang ada, hanya mazhab Shi'ah Imamiyyah Ithna 'Ashariyyah (Shi'ah 12 Imam) yang meyakini bahawa individu-individu ini sebagai duabelas pengganti sebenar Rasullulah (s) dan mengambil pemahaman Islam daripada mereka. Untuk mengetahui dengan lebih lanjut sila lihat:**

<http://al-islam.org/faq/>

v1.0

Jabir ibn Samura meriwayatkan daripada Rasulullah (s.a): Aku mendengar Rasulullah (s) bersabda:

"Akan ada duabelas orang ketua." Baginda kemudian mengucapkan satu ayat yang aku tidak dengar. Bapaku berkata, Rasulullah menambah, "Semua daripada mereka adalah dari Quraysh."

[*Sahih al-Bukhari* (English), Hadith: 9.329, Kitabul Ahkam;  
*Sahih al-Bukhari*, (Arabic), 4:165, Kitabul Ahkam]

Rasulullah (s) bersabda:

"Agama ini (Islam) akan berterusan hingga ke saat akhir (Hari Kebangkitan), dengan duabelas orang Khalifah untuk kamu sekalian, semua daripada mereka adalah daripada Quraysh."

[*Sahih Muslim*, (English), Bab DCCLIV, Jilid 3, ms.1010, Riwayat #4483; *Sahih Muslim* (Arab), Kitab al-Imaara, 1980 Edisi Saudi Arabia, Jilid 3, ms.1453, Riwayat #10]

# Siapakah dia Duabelas orang Pewaris Rasulullah(s) ini?

<b>Mari kita lihat kepada pandangan Ulamak mengenai isu ini:</b>	
Qadi Abu Bakr Ibn al-'Arabi:	<p>Setelah mengira bilangan Amir selepas Rasulullah sebagai 12 kita mendapati mereka terdiri drp : Abu Bakr, 'Umar, 'Uthman, Ali, Hasan, Mu'awiyah, Yazid, Mu'awiyah ibn Yazid, Marwan, 'Abd al-Malik ibn Marwan, Yazid bin 'Abd al-Malik, Marwan bin Muhammad bin Marwan, As-Saffah... Selepas dari mereka ini ada 27 orang lagi khalifah dari Bani Abbasiyyah.</p> <p>Kalau kita hanya mengambil 12 orang khalifah dari mereka itu kita akan sampai kepada Sulayman. Kalau kita mengambil maksud hadith ini secara literal, kita hanya boleh mengambil 5 orang daripada mereka dan ditambah dengan 4 orang Khulafa' ar-Rasyidun dan 'Umar bin 'Abd al-'Aziz...</p> <p><b>Saya tidak boleh memahami maksud Hadith ini.</b> [Qadi Abu Bakr Ibn al-'Arabi, <i>Sharh Sunan Tirmidhi</i>, 9:68-69]</p>
Qadi 'Iyad al-Yahsubi:	<p>Bilangan Khalifah adalah lebih dari itu. <b>Untuk menghadkan bilangan mereka kepada duabelas adalah tidak tepat.</b> Rasulullah (s.a.w.s.) tidak pernah mengatakan bahawa hanya ada duabelas orang dan tidak lebih dari itu. Oleh itu bilangan mungkin ada lebih.</p> <p>[Al-Nawawi, <i>Sharh Sahih Muslim</i>, 12:201-202; Ibn Hajar al-'Asqalani, <i>Fath al-Bari</i>, 16:339]</p>
Jalal al-Din al-Suyuti:	<p><b>Hanya ada duabelas orang khalifah sehingga hari kebangkitan.</b> Dan mereka akan tetap bertindak mengikut haq (kebenaran) walaupun mereka tidak berturutan.</p> <p>Daripada 12 itu, empat adalah khulafa ar-Rasyidun, kemudian Hasan, kemudian Mu'awiyah, kemudian Ibn Zubayr, dan diakhiri dengan 'Umar bin 'Abd al-'Aziz. Bilangan mereka baru lapan. Tinggal lagi empat. Mungkin Mahdi, si-Abbasiyyah boleh dimasukkan kerana beliau dikalangan Bani Abbasiyyah adalah seperti 'Umar bin 'Abd al-'Aziz dikalangan Bani Umayyah. Tahir 'Abbasi akan juga dimasukkan kedalam bilangan ini kerana beliau merupakan seorang sultan yang adil. Dua lagi akan datang pada masa hadapan. <b>Salah seorang daripada mereka adalah Mahdi,</b> kerana beliau adalah dari Ahlul Bayt (a.s.).</p> <p>[Al-Suyuti, <i>Tarikh al-Khulafa</i>, Page 12; Ibn Hajar al-Haytami, <i>Al-Sawa'iq al-Mubtaya</i> Page 19]</p>
Ibn Hajar al-'Asqalani:	<p><b>Tidak ada seorangpun yang mempunyai ilmu yang cukup untuk memahami hadith dari sahih Bukhari ini.</b></p> <p>Adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa imam-imam ini akan hadir pada satu ketika/masa yang sama. [Ibn Hajar al-'Asqalani, <i>Fath al-Bari</i> 16:338-341]</p>

Ibn al-Jawzi:	<p>Khalifah pertama dari Bani Umayyah adalah Yazid ibn Mu'awiyah dan yang terakhir adalah, Marwan Al-Himar. Bilangan mereka adalah tiga belas. <b>'Uthman, Mu'awiyah dan ibn Zubayr tidak dimasukkan didalam bilangan ini kerana mereka adalah dikalangan para sahabat Rasulullah(s).</b></p> <p>Kalau kita mengecualikan Marwan bin al-Hakam kerana kontroversi samada beliau dikira sebagai sahabat ataupun tidak kerana walaupun beliau berkuasa Abdullah ibn Zubayr mendapat sokongan daripada rakyat. Baharulah kita akan mendapat angka duabelas. ... Setelah kekhilafahan Bani Umayyah, suatu kekacauan yang hebat berlaku. Sehingga Bani Abbasiyyah berjaya untuk menstabilkan pemerintahan mereka. Oleh itu suasana asal telah bertukar seluruhnya. [Ibn al-Jawzi, <i>Kashf al-Mushkil</i>, sebagaimana yang telah dicatatkan dalam Ibn Hajar al-'Asqalani, <i>Fath al-Bari</i> 16:340 dari Sibti Ibn al-Jawzi]</p>
Al-Nawawi:	<p>Ia mungkin juga mempunyai maksud bahawa 12 orang Imam itu akan ada hanya pada zaman kegemilangan Islam. Pada ketika Islam adalah agama dominan. Khalifah-khalifah ini akan, sewaktu pemerintahan mereka, mengagungkan Islam. [Al-Nawawi, <i>Sharh Sahih Muslim</i>, 12:202-203]</p>
Al-Bayhaqi:	<p><b>Bilangan ini (duabelas) akan dijumpai hingga ke zaman Walid ibn 'Abd al-Malik. Selepas daripada ini timbul kekacauan dan gangguan.</b> Kemudian datang pula Bani Abbasiyyah. Riwayat ini telah meningkatkan bilangan Imam. Sekiranya kita ketepikan sebahagian daripada perilaku mereka yang datang selepas kekacauan tersebut, bilangan mereka akan meningkat." [Ibn Kathir, <i>Ta'rikh</i>, 6:249; Al-Suyuti, <i>Tarikh al-Khulafa</i> Page 11]</p>
Ibn Kathir:	<p>Barangsiapa yang mengikut dan bersetuju dengan pandangan Bayhaqi bahawa Jama'ah bermaksud khalifah-khalifah yang datang turut menurut sehingga pada masa <b>Walid ibn Yazid ibn 'Abd al-Malik si-pengganas</b> adalah mereka yang dikritik dan dihina oleh kami dengan berhujah kepada beberapa hadith.</p> <p>Dan sekiranya kita menerima Kekhalifahan Ibn Zubayr sebelum 'Abd al-Malik bilangannya akan menjadi enambelas. Padahal bilangannya sepatutnya duabelas sebelum dari 'Umar ibn 'Abd al-'Aziz. Dengan kaedah ini <b>Yazid ibn Mu'awiyah akan dimasukkan dan tidak 'Umar ibn 'Abd al-'Aziz. Walaubagaimanapun,</b> adalah telah diterima oleh junhur ulema bahawa 'Umar ibn 'Abd al-'Aziz adalah seorang khalifah yang benar dan adil. [Ibn Kathir, <i>Ta'rikh</i>, 6:249-250]</p>